


PH boleh tunai semua janji: PM

BH - 6/11/2019 m/s: 13

Faktor kuasai Johor, Pusat wajar jadi pertimbangan pengundi

PRK Tanjung Piai



Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kedudukan Pakatan Harapan (PH) yang menguasai kerajaan Johor dan Persekutuan membolehkan semua janji kepada pengundi Parlimen Tanjung Piai ditunaikan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, faktor berkenaan wajar menjadi pertimbangan pengundi dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) pada 15 November ini.

“Kemenangan PH bermakna



Dr Mahathir bersama Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden PH, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden PH di Putrajaya, malam tadi.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

janji boleh ditunaikan kerana kami jadi kerajaan di Johor dan Pusat, tetapi kemenangan calon Barisan Nasional (BN) melalui MCA kalau menang tak boleh buat apa-apa.

“Parti lawan tidak boleh tukar kerajaan Johor dan Pusat, kita harap pengundi ambil kira perkara ini dan beri undi kepada PH,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) di sini, malam tadi.

Dr Mahathir yang juga Penge-

rusi PH berkata, PH mempunyai peluang untuk menang pada PRK Parlimen Tanjung Piai, namun jentera parti mesti bekerja kuat.

“Saya sendiri akan turun pergi ke Tanjung Piai untuk berkempen,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan akan meminda undang-undang drakonian termasuk Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) secepat mungkin.

Dr Mahathir berkata, pindaan itu yang sudah lama tertangguh

perlu dilakukan kerana dibimbangi akan disalah guna.

“Kita adakan mesyuarat untuk bincang keperluan pinda undang-undang drakonian, kita tidak akan hapuskan undang-undang ini seluruhnya tapi pindaan kepada peruntukan tertentu yang mempunyai unsur drakonian.

“Ini termasuk tangkap dan simpan dalam tahanan tanpa didakwa, dalam SOSMA umpamanya, kita akan lakukan (pindaan) secepat mungkin,” katanya.

Ditanya sama ada langkah ini

Kemenangan PH bermakna

janji boleh ditunaikan kerana kami jadi kerajaan di Johor dan Pusat, tetapi kemenangan calon BN melalui MCA kalau menang tak boleh buat apa-apa.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

mempunyai kaitan dengan tangkapan beberapa individu yang didakwa ada hubungan dengan kumpulan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE), Perdana Menteri berkata ia adalah janji yang sudah lama dibuat PH.

Ditanya bila pindaan itu akan dilakukan, Perdana Menteri berkata, ia akan dilakukan secepat mungkin.

“Sekiranya boleh pada sesi Parlimen yang sedang berlangsung kini, kalau tidak mungkin pada sesi tahun depan,” katanya.